

24 November 2017

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

KERAJAAN PERSEKUTUAN MENENTUKAN SEMAKAN TARIF DAN CAJ AIR DI MALAYSIA DI SISI UNDANG-UNDANG

- **Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655)** memerlukan operator bekalan air memohon kepada SPAN untuk semakan tarif air dan caj perkhidmatan bekalan air.
- **Akta SPAN 2006 (Akta 654)** memberi kuasa kepada SPAN untuk “menasihati” Menteri KeTTHA mengenai permohonan semakan tarif.
- **Menteri KeTTHA bertanggungjawab membuat peraturan-peraturan untuk “menetapkan aras kadar perkhidmatan bekalan air”.**

PULAU PINANG, Jumaat (24/11/2017): Kerajaan Persekutuan adalah pihak berkuasa yang meluluskan tarif air dan caj di Malaysia, mengikut Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (WSIA 2006 - Akta 655).

Oleh itu, boleh dikatakan bahawa Kerajaan Persekutuan “menentukan” tarif dan caj untuk perkhidmatan bekalan air di Malaysia.

Pada 22/11/2017, beberapa media cetak dan elektronik menerbitkan laporan yang memetik Datuk Seri Dr Maximus Ongkili, Menteri Tenaga, Teknologi Hijau & Air (KeTTHA), sebagai berkata bahawa “kerajaan persekutuan tidak menentukan tarif air mana-mana negeri”.

Laporan ini agak mengelirukan.

Petikan Undang-undang Persekutuan

Berikut adalah petikan daripada WSIA 2006, Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta SPAN 2006 - Akta 654) dan laman web SPAN:

- “Peraturan mengenai kadar, caj dan deposit:
Menteri (KeTTHA) boleh, atas syor Suruhanjaya (SPAN), membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan aras kadar yang hendak dicajkan bagi perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan.”

Bahagian VI, Seksyen 84.1, “Kadar, Caj & Deposit”, WSIA 2006 (Sila lihat Lampiran A)

- “Suruhanjaya (SPAN) hendaklah mempunyai semua fungsi yang dikenakan ke atasnya di bawah undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetungan dan hendaklah juga mempunyai fungsi-fungsi yang berikut:
(e) menasihati Menteri (KeTTHA) tentang mekanisme yang adil dan cekap bagi menentukan tarif yang adil kepada kedua-dua pengguna dan pemegang lesen dan melaksanakan tarif yang telah ditetapkan melalui mekanisme dan alat yang sesuai.”

Bahagian III, Seksyen 15, “Fungsi dan Kuasa Suruhanjaya”, Akta SPAN 2006 (Sila lihat Lampiran B)

- “Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654) menggariskan peruntukan berikut berhubung fungsi:
 - Menasihati Menteri tentang mekanisme yang adil dan cekap bagi menentukan tarif yang adil kepada kedua-dua pengguna dan pemegang lesen dan melaksanakan tarif yang telah ditetapkan melalui mekanisme dan alat yang sesuai.”

www.span.gov.my/index.php/about-us/functions

Sementara itu, pautan berikut ke laman web SPAN:

www.span.gov.my/index.php/en/law/regulations menyenaraikan peraturan kebangsaan berhubung “kadar perkhidmatan bekalan air” yang dibuat oleh



Menteri pada 2015 bagi Pulau Pinang, Johor, Labuan, Melaka dan Negeri Sembilan.

Peraturan-peraturan ini, yang telah diwartakan sebagai pindaan kepada undang-undang persekutuan, hanya boleh dilakukan oleh Menteri. Sila ambil perhatian bahawa kerajaan negeri tidak diberi kuasa untuk membuat peraturan negara.

Kes Permohonan WCS PBAPP pada tahun 2017

Pada 28/4/2017, PBAPP pertama kalinya mengemukakan kepada SPAN untuk semakan Surcaj Penjiomat Air Pulau Pinang (WCS) kepada RM1.00 setiap 1,000 liter, untuk penggunaan domestik melebihi 35,000 liter sebulan.

Sejak itu, PBAPP telah 5 kali mengemukakan kepada SPAN, atas permintaan daripada SPAN, berkenaan cadangan semakan WCS yang yang bertujuan untuk mengurangkan penggunaan domestik per kapita yang tinggi di Pulau Pinang.

Kali terakhir cadangan diserahkan kepada SPAN bertarikh 20/11/2017, dan PBAPP sedang menunggu maklum balas rasmi dari SPAN mengenai status permohonan dan cadangan kepada Menteri.

Sekiranya tarif air dan caj air tidak diperlu diwartakan sebagai peraturan nasional, PBAPP tidak perlu menunggu maklum balas dari SPAN atau Menteri untuk membuat peraturan baru.

Ini jelas membuktikan Kerajaan Persekutuan adalah pihak berkuasa yang “menentukan” tarif air dan caj perkhidmatan bekalan air di setiap negeri di Malaysia, termasuk Pulau Pinang.

PBAPP tidak boleh secara sah “menentukan” nilai WCS atau melaksanakan kajian tarif air di Pulau Pinang tanpa kelulusan Kerajaan Persekutuan.

Terima kasih.

Dato’ Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan



Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my

Lampiran A: Petikan daripada Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655)

BAHAGIAN VI
KADAR, CAJ DAN DEPOSIT

Peraturan-peraturan mengenai kadar, caj dan deposit

84. (1) Menteri boleh, atas syor Suruhanjaya, membuat peraturan-peraturan untuk menetapkan aras kadar yang hendak dicajkan bagi perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan.

(2) Tanpa menjaskankan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat—

- (a) untuk menetapkan kadar perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan termasuk pembekalan air secara pukal;
- (b) untuk menetapkan aras kadar yang berlainan bagi perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan berdasarkan kategori pengguna, jumlah penggunaan, jenis penggunaan dan lokasi geografi atau mengikut apa-apa cara lain yang disifatkan sesuai oleh Suruhanjaya;
- (c) untuk menetapkan caj penyambungan, penyambungan semula atau apa-apa caj lain, dan deposit, yang berhubungan dengan perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan;
- (d) untuk memperuntukkan bagi penyiaran atau penzahiran kadar bagi perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan; atau
- (e) untuk menetapkan kadar pengebilan dan caj melalui meter dan submeter bagi bangunan.

Lampiran B: Petikan daripada Akta SPAN 2006 (Akta 654)

BAHAGIAN III FUNGSI DAN KUASA SURUHANJAYA

Fungsi Suruhanjaya

15. Suruhanjaya hendaklah mempunyai segala fungsi yang dikenakan ke atasnya di bawah undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetungan dan hendaklah juga mempunyai fungsi-fungsi yang berikut:

- (a) menasihati Menteri tentang segala perkara berhubung dengan objektif dasar kebangsaan bagi undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetungan dan melaksanakan dan memajukan objektif dasar kebangsaan itu;
- (b) melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetungan dan menimbaangkan dan mengesyorkan pembaharuan kepada undang-undang perkhidmatan bekalan air dan pembetungan;
- (c) memastikan daya pengeluaran industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan dan memantau pengendali mematuhi standard perkhidmatan yang ditetapkan, obligasi berkontrak dan undang-undang dan garis panduan yang berkaitan;
- (d) menambah usaha bersepada ke arah peningkatan kecekapan pengendalian industri itu dan secara khususnya pengurangan air tidak terhasil melalui program jangka pendek, jangka pertengahan dan jangka panjang;
- (e) menasihati Menteri tentang mekanisme yang adil dan cekap bagi menentukan tarif yang adil kepada kedua-dua pengguna dan pemegang lesen dan melaksanakan tarif yang telah ditetapkan melalui mekanisme dan alat yang sesuai;
- (f) memastikan matlamat pembangunan negara berkenaan dengan liputan, pembekalan dan akses kepada perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembetungan tercapai;
- (g) memastikan pengelaran kualiti air dan perkhidmatan pembetungan secara jangka panjang melalui pembangunan modal kerja yang berterusan;